

penduduk Baling dipindah

BH
9/1

KUALA LUMPUR: Keadaan banjir di Kelantan dan Sabah semakin membimbangkan apabila air sungai utama di dua negeri itu melepasi paras bahaya semalam, manakala Baling menjadi daerah pertama di Kedah dinaiki air.

Bagaimanapun, keadaan di Terengganu mula pulih dengan 2,393 mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan di empat daerah dibenarkan pulang, semalam.

Paras Sungai Kelantan di Jambatan Guillemard dekat Kusial, mencatat bacaan 16.37 meter (m), melebihi paras bahaya 16m pada jam 4 petang, manakala empat lagi sungai menghampiri paras bahaya iaitu di Tangga Krai, Tambatan Diraja, Sungai Golok dan Rantau Panjang.

Sehingga petang semalam, 130 mangsa banjir di Kelantan dipindahkan termasuk 120 dari Kuala Krai yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Telekong dan SK Banggol Guchil, manakala 10 penduduk lagi di Dewan Serbaguna Kampung Padang Kijang, Tanah Merah.

Semua jalan utama di Kelantan masih boleh dilalui kecuali beberapa jalan kampung sekitar Tanah Merah dan Bukit Panau.

Di **BALING**, 320 penduduk daripada 45 keluarga dipindahkan iaitu 218 mangsa di Kampung Tanjung Merbau, Kampung Bawah Gunung (70 orang) dan Kampung Seberang Sekolah Penghulu Abu Bakar (30 orang). Tiga kampung itu dinaiki air antara 0.3 meter hingga 1 meter.

Banjir di Kampung Kubang Panjang pula menyebabkan jenazah warga tua, Mat Saad Hashim, 76, yang meninggal dunia semalam terpaksa ditempatkan di Dewan Orang Ramai Charok Sikin sebelum dikebumikan kerana paras air semakin naik.

Sementara itu, Panglima Briged Keenam Infantri yang berpangkalan di Sungai Petani, Brig Jen Mohd Noor Daud, berkata 400 anggota JPA3 dengan bantuan 5,000 sukarelawan bersedia sejak dua hari lalu selepas amaran merah dikeluarkan, kelmarin.

Pihaknya membekukan cuti 1,000 anggota yang berpangkalan di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang bagi menghadapi

Penduduk berjaga-jaga

DARI MUKA 1

Di **SABAH**, penduduk serta pihak berkuasa di Beaufort kembali berjaga-jaga apabila paras air Sungai Padas meningkat melebihi dua meter daripada paras berbahaya.

Mangsa yang ditempatkan di Dewan Pa' Musa, juga meningkat kepada 295 berbanding 291 kelmarin membabitkan 94 keluarga dari lima kampung di sepanjang tebing Sungai Padas iaitu Kampung Bakalau, Jampangah, Batu 54, Binunok dan Balibata.

Di **KUALA TERENGGANU**, sehingga jam 5 petang semalam, hanya 321 mangsa masih di pusat pemindahan, iaitu 29 orang di Besut, Dungun (292) dan semua mangsa di Setiu dibenarkan pulang.

Jalan Jerangau-Jabor di Kilometer 76 berhampiran Stesen Timbang Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Bukit Besi juga dibuka semula semalam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz yang melawat kawasan banjir di Hulu Terengganu bagaimanapun berkata, 239 lokasi di seluruh negeri itu dikenal pasti berpotensi dilanda banjir membabitkan 46,500 mangsa.

Di **JOHOR**, semua mangsa banjir dibenarkan pulang kecuali di Batu Pahat yang masih menempatkan 6,583 orang daripada 1,414 keluarga di 32 pusat pemindahan.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen negeri, berkata semua 77 pusat pemindahan di Segamat dan Muar (81) pula ditutup semalam.

FAKTA NOMBOR